



PEGAWAI JPKNS, Christostom Abah (kiri) sedang memberi penerangan kepada Hajiji (kedua kanan). Di kanan ialah Pengarah JPKNS, Dr Minggu Juman.

Kementerian, PBT disaran tubuh tentera siber

KOTA KINABALU - Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negeri ini disaran menubuhkan tentera siber masing-masing bagi memantau dan menangani segala aduan, pertanyaan dan fitnah daripada pelbagai pihak.

Menterinya Datuk Hajiji Noor berkata kegagalan kerajaan untuk menguasai dunia siber akan melemahkan imej kerajaan di mata masyarakat.

"Selaras dengan era teknologi maklumat yang semakin pesat, kerajaan turut menekan supaya PBT mengambil langkah yang lebih aktif dalam melaksanakan penggunaan emel dan aplikasi generik kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan seminar teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) 2014 Sektor Awam Negeri peringkat PBT di Kompleks Tabung Haji, Sembulan di sini, pada Selasa.

Hajiji berkata PBT diminta melaksanakan aplikasi e-PBT bagi memberi perkhidmatan terbaik kepada pelanggan berikutan tahap pelaksanaan aplikasi itu masih rendah di negeri ini.

Katanya, pelaksanaan e-PBT bukan sahaja memudahkan urusan pelanggan, malah berkesan dalam penyimpanan rekod selain menggalakkan kebertanggungjawapan dan ketelusan.

"Pelaksanaan e-PBT misalnya boleh menjimatkan masa serta membolehkan PBT mengemas rekod dan memudahkan orang awam berurusan dengan PBT," katanya.

Beliau berkata PBT juga perlu mewujudkan Dasar Keselamatan ICT masing-masing sebagai panduan dan rujukan warganya bagi memenuhi penguatkuasaan, kawalan dan langkah menyeluruh melindungi aset kerajaan sekaligus memastikan kesinambungan urusan kerajaan.